

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
KAWASAN : JELI
TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan di sepanjang FT 004, Jalan Gerik-Jeli, khususnya Seksyen 206, Batu 14 yang merupakan kawasan berisiko tinggi kemalangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya amat prihatin dan sentiasa komited bagi memastikan semua pengguna jalan raya berada dalam keadaan selamat dan selesa. Antara faktor-faktor utama kemalangan yang sering berlaku ialah faktor manusia, kenderaan dan kejuruteraan jalan.

Bagi jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, iaitu Jalan Persekutuan FT004, Jalan Gerik – Jeli (Lebuhraya Timur Barat), Seksyen 206.00, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengambil maklum berhubung kekerapan berlakunya kemalangan jalan raya di kawasan ini.

Tuan Yang Di Pertua, dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di kawasan Yang Berhormat dan juga di kawasan – kawasan lain yang telah dikenalpasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan, setiap tahun Kementerian Kerja Raya melaksanakan Program Keselamatan Jalan Raya bagi merawat lokasi kerap berlaku kemalangan di seluruh negara. Pihak Kementerian bersama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) melaksanakan pembaikan di lokasi kerap berlaku kemalangan ini.

Bagi Tahun 2019, sebanyak 56 lokasi kerap berlaku kemalangan telah dikenalpasti di seluruh negara bagi rawatan yang bersesuaian dengan peruntukan sebanyak RM19.7 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lokasi di Jalan Persekutuan FT004, Jalan Gerik – Jeli (Lebuhraya Timur Barat), Seksyen 206.00 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat turut tersenarai dalam pelaksanaan pada tahun 2019. Kementerian ini secara berterusan sentiasa komited dalam memastikan semua jalan persekutuan sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Sekian, terima kasih.